



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

**NOTIS KEPUTUSAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN BARANG LUCUT HAK JABATAN
KASTAM DIRAJA MALAYSIA MELAKA BIL.4/2025,
BIL.5/2025 DAN BIL.6/2025**

1. Jawatankuasa Sebut Harga Negeri Melaka telah bersidang untuk membuat penilaian dan keputusan kepada Sebut Harga Barang Bil. 4/2025, Bil.5/2025, dan Bil.6/2025. Tujuan mesyuarat adalah seperti berikut:
 - a. Memutuskan penyebut harga-penyebut harga yang berjaya; dan
 - b. Menentukan kedudukan ke atas lot-lot barang yang tidak mendapat sebarang tawaran.
2. Perakuan dan keputusan bagi penyebut harga-penyebut harga yang berjaya adalah seperti di Lampiran A.
3. Syarat-syarat tawaran kepada penyebut harga-penyebut harga yang berjaya adalah seperti berikut:
 - a. Penyebut harga yang berjaya dikehendaki membuat pembayaran sepenuhnya dalam tempoh 7 (tujuh) hari bermula dari tarikh notis pemakluman berjaya dalam tawaran untuk Sebut Harga Barang Bil. 4/2025, Bil.5/2025, dan Bil.6/2025 yang dikeluarkan oleh JKDM Negeri Melaka.
 - b. Deposit sebut harga tidak akan dikembalikan jika penyebut harga yang berjaya gagal membuat pembayaran sepenuhnya atau menarik semula tawarannya dalam tempoh yang telah ditetapkan;

c. Bagi lot-lot yang terdapat penyebut harga pertama berjaya, kedua berjaya dan ketiga berjaya, lot tersebut hendaklah ditawarkan kepada penyebut harga kedua berjaya jika penyebut harga pertama berjaya gagal membuat pembayaran penuh atau menarik semula tawaran dalam tempoh yang ditetapkan. Seterusnya, jika penyebut harga kedua berjaya gagal membuat pembayaran penuh atau menarik semula tawaran dalam tempoh yang ditetapkan, lot tersebut hendaklah ditawarkan kepada penyebut harga ketiga berjaya;

d. Bagi lot-lot yang terdapat penyebut harga berjaya pertama dan kedua berjaya, lot tersebut hendaklah ditawarkan kepada penyebut harga kedua berjaya jika penyebut harga pertama berjaya gagal membuat pembayaran penuh atau menarik semula tawaran dalam tempoh yang ditetapkan;

e. Bagi lot-lot yang terdapat satu penyebut harga berjaya sahaja, lot-lot barang berkenaan hendaklah disebut harga semula jika penyebut harga yang berjaya gagal membuat pembayaran penuh atau menarik semula tawaran dalam tempoh yang ditetapkan.

f. Barang yang ditawarkan hendaklah diambil dan dikeluarkan dari stor / kawasan Kastam tidak lewat 7 (tujuh) hari daripada tarikh pembayaran penuh dijelaskan; dan

g. Penyebut harga yang berjaya tidak dibenarkan membuat kerja-kerja servis atau pembaikan barang berkenaan di dalam stor / kawasan Kastam.

Sekian, terima kasih.



(BAKRI BIN ABD RAHMAN)

m.t.t. Pengarah Kastam Negeri Melaka

PENYEBUTHARGA YANG BERJAYA BAGI SEBUT HARGA BIL.4/2025 HINGGA BIL.6/2025 JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA MELAKA

LOT	BARANG LUCUT HAK	HARGA SIMPANAN	HARGA TAWARAN	NAMA PEMENANG	NO SIRI PEMBIDA	KEPUTUSAN
SEBUT HARGA BERAS BIL.4/2025						
1	BERAS (VIETNAM LONG GRAIN WHITE RICE)	311,500.00	333,750.00	THC RICE SDN BHD	1/2/2	1

LOT	BARANG LUCUT HAK	HARGA SIMPANAN	HARGA TAWARAN	NAMA PEMENANG	NO SIRI PEMBIDA	KEPUTUSAN
SEBUT HARGA BERAS BIL.5/2025						
1	BERAS (VIETNAM LONG GRAIN WHITE RICE)	308,000.00	330,000.00	THC RICE SDN BHD	1/2/2	1

LOT	BARANG LUCUT HAK	HARGA SIMPANAN	HARGA TAWARAN	NAMA PEMENANG	NO SIRI PEMBIDA	KEPUTUSAN
SEBUT HARGA BERAS BIL.6/2025						
1	BERAS (VIETNAM LONG GRAIN WHITE RICE)	186,900.00	200,250.00	THC RICE SDN BHD	1/2/3	1


BAKRI BIN ABD RAHMAN
m.t.t Pengarah Kastam Negeri
JKDM Melaka